



Penguat kuasa KPDN pantau harga 8 barangan dalam SHMMP

Oleh Noorazura Abdul Rahman - Januari 12, 2023 @ 6:17pm
bhnews@bh.com.my

ALOR SETAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)ewartakan lapan jenis barangan dalam pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baharu Cina 2023 bermula 15 hingga 29 Januari ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata lapan barangan itu ialah ikan bawal putih, udang putih dan bawang putih dari China.

"Selain itu barang berkenaan adalah ubi kentang import (China), kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk Beijing), babi hidup (kawalan di peringkat ladang saja), daging babi bahagian perut dan daging babi (daging dan lemak).

"Pihak penguat kuasa kita akan memantau dan kawal harga ini untuk tujuh hari sebelum perayaan, sehari ketika perayaan dan tujuh hari selepas perayaan," katanya sebelum meninjau barangan keperluan di sebuah pasar raya di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Azman Adam.

Salahuddin berkata, harga maksimum di peringkat runcit yang ditetapkan bagi ikan bawal putih ialah RM42 sekilogram, manakala udang putih RM39 sekilogram, bawang putih (RM8.50) dan ubi kentang RM4 sekilogram.

Katanya, kubis bulat ditetapkan berharga RM4 sekilogram, babi hidup kawalan peringkat ladang sahaja RM15 sekilogram, daging babi bahagian perut RM36 sekilogram dan daging babi bahagian daging dan lemak RM25 sekilogram," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata pihaknya meminta pengguna membuat laporan jika menghadapi masalah bekalan telur di kawasan mereka untuk tindakan segera diambil pihaknya.

"Sepanjang Ops Terjah, semalam (kelmarin) saya dapat laporan di Jempol (tempat yang kekurangan bekalan telur), sebelum itu berlaku di Johor Bahru dan di sempadan Kedah.

"Jadi, saya meminta pegawai penguat kuasa membuat pemeriksaan serta-merta dan perkara itu kita boleh atasi dalam cepat," katanya.

Salahuddin berkata hasil daripada mesyuarat bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), isu bekalan telur dijangka selesai dalam tempoh tiga bulan lagi.